



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA &
MASYARAKAT
SELAKU
PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA, MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN ANJUNG KASIH YKN
HOSPITAL PULAU PINANG

3 MAC 2019 (AHAD)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Terima Kasih kepada Tuan Pengacara Majlis

Hadirin dan hadirin yang dikasihi sekalian

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana kita dapat berkumpul di pagi ini. Pagi yang cukup bermakna kerana, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan, kita dapat menyediakan satu lagi kemudahan untuk membantu golongan yang memerlukan.
3. Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Hospital Pulau Pinang, yang bekerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dalam penubuhan Anjung Kasih YKN di Hospital Pulau Pinang.
4. Saya difahamkan, bangunan ini asalnya merupakan asrama Pegawai Perubatan Latihan Siswazah di Blok C, Hospital Pulau Pinang, kemudiannya dinaik taraf untuk pembinaan Anjung Kasih.
5. Saya dimaklumkan kerja-kerja awal telah bermula pada Februari 2018, dan telah siap sepenuhnya Disember 2018, dan mula beroperasi pada 9 Januari 2019.
6. Kerajaan menyediakan suatu kemudahan penginapan percuma buat pesakit dan waris yang menemani anggota keluarga yang sedang menerima rawatan di Anjung Kasih ini. Alhamdulillah, saya difahamkan seramai 103 penghuni telah mendapat manfaat sejak Anjung Kasih beroperasi di sini.

PROJEK ANJUNG KASIH YKN

Hadirin dan hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Projek Anjung Kasih merupakan satu pendekatan proaktif YKN dalam bidang "*medicosocial*", iaitu suatu konsep gabungan antara aspek perubatan dan khidmat sosial.
8. Sejak tahun 2006, YKN telah melaksanakan projek ini secara berperingkat. Terkini, terdapat 10 buah Anjung Kasih di seluruh negara yang telah beroperasi sepenuhnya dan memberi manfaat kepada 62,551 orang penghuni.

9. Sebuah lagi Anjung Kasih telah siap dibina, dan sedia untuk penyerahan iaitu di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis dan empat (4) buah lagi sedang dalam pembinaan, dan, Insya Allah dijangka siap pada tahun ini, iaitu:
 - i. Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah;
 - ii. Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu, Johor; dan
 - iii. Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah
 - iv. Hospital Melaka
10. Untuk makluman, kriteria penubuhan Anjung Kasih ini, mengambil kira pelbagai aspek, termasuk lokasi, persekitaran geologi dan keperluan setempat. Hospital Pulau Pinang merupakan hospital kedua terbesar selepas Hospital Kuala Lumpur, menjadi hospital rujukan kepada Zon Utara, dengan menerima pesakit dari Perlis dan Kedah untuk rawatan. Oleh itu, kewujudan Anjung Kasih ini amat signifikan kepada golongan yang memerlukan. Pulau Pinang terkenal dengan bangunan berkonsepkan '*Heritage*', maka rekabentuk Anjung Kasih ini, direka berdasarkan konsep yang sama, tanpa melibatkan kos tambahan daripada peruntukan asal. Ini adalah hasil daripada kerjasama yang baik, dari kedua-dua pihak, iaitu Hospital Pulau Pinang dan YKN.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KERAJAAN

Hadirin Hadirat sekalian

11. Kerajaan mengambil berat akan keperluan golongan yang memerlukan khususnya daripada kelompok B40.
12. Sebagai Kerajaan yang prihatin, kita berusaha meringankan sedikit bebanan rakyat. Kita tawarkan penginapan percuma, supaya mereka dapat bersama-sama menemani pesakit semasa rawatan dijalankan. Secara tidak langsung Anjung Kasih ini turut menjadi medium penyambung kasih sayang di antara keluarga, Alhamdulillah.
13. Dengan Anjung Kasih ini, Kerajaan mampu membantu rakyat menjimatkan kos perbelanjaan mereka. Secara anggaran, mereka terpaksa berbelanja di antara RM100 - RM200 sehari jika menginap di hotel-hotel bertaraf 3 bintang atau rumah tumpangan berbayar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.9 juta untuk kos keseluruhan Anjung Kasih, dengan sokongan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebanyak RM1.6 juta, yang diterima daripada GLC, syarikat korporat dan penyumbang-penyumbang yang prihatin.
15. Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menaja pembinaan Anjung Kasih di Hospital Serdang yang telah pun mula beroperasi, dan Hospital Melaka yang masih dalam pembinaan. Dan pihak Petronas turut menaja Anjung Kasih di Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Sabah yang juga dalam proses pembinaan.
16. Alhamdulillah pada tahun 2019 ini, usaha kita membantu rakyat, mendapat sokongan dan sambutan yang memberangsangkan daripada GLC dan syarikat korporat. Setakat Februari 2019 ini, YKN telah berjaya mendapat sumbangan berjumlah RM 1.9 juta untuk Anjung Kasih. Secara total, kita telah mendapat sumbangan berjumlah RM3.6 juta sejak tahun 2016 untuk Anjung Kasih di seluruh Negara. Syabas dan tahniah kepada warga YKN dan jutaan terima kasih kepada para penyumbang.

17. Saya seru dan saya mohon agar syarikat-syarikat korporat, NGO-NGO, GLC dan pihak-pihak yang berkaitan untuk tampil dan bekerjasama dengan YKN bagi membantu golongan yang memerlukan. Sumbangan ini tidak terhad kepada yang berbentuk kewangan sahaja. Sebagai contoh Kechara Soup Kitchen telah bekerjasama untuk menyumbang barangan makanan untuk diberikan kepada penghuni Anjung Kasih Hospital Pulau Pinang ini.

INISIATIF DAN TANGGUNGJAWAB YKN

Hadirin hadirat sekalian

18. Selain Anjung Kasih ini, pihak YKN turut menubuhkan Anjung Singgah YKN, iaitu perkhidmatan penginapan sementara, yang memberi khidmat sosial dan intervensi kepada golongan gelandangan. Pada masa ini, terdapat lima (5) buah Anjung Singgah YKN di seluruh negara.
19. YKN juga menyediakan khidmat YKN Dialisis. Ia merupakan pusat rawatan dialisis yang mesra pesakit dan keluarga. Terdapat enam (6) buah YKN Dialisis di seluruh negara yang sedang beroperasi sekarang ini.

HARAPAN

20. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada masyarakat yang berpeluang menggunakan kemudahan yang disediakan di Anjung Kasih YKN ini, manfaatkanlah dengan sebaik-baiknya. Jagalah tempat penginapan ini dengan baik demi manfaat buat penghuni-penghuni lain yang memerlukan kelak.
21. Oleh kerana kemudahan ini disediakan secara percuma, sudah pasti kita menetapkan kriteria tertentu untuk memastikan, hanya golongan yang benar-benar layak sahaja dapat menikmati penginapan di Anjung Kasih ini.
22. Ia khusus untuk anggota keluarga yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai saudara mara yang tinggal berdekatan dengan hospital.
23. Alhamdulillah, mewakili KPWKM dan YKN, Anjung Kasih telah direalisasikan, menjadi hub untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran kita.

UCAPAN TERIMA KASIH/TAHNNIAH

24. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis Perasmian Anjung Kasih YKN Hospital Pulau Pinang, pihak Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, NGO-NGO dan individu yang telah bersama-sama YKN, dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Syabas dan tahniah!
25. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Anjung Kasih YKN di Hospital Pulau Pinang.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih